

1. Analisa bilangan kes berdasarkan daerah

Pada minggu epidemiologi (ME) 35 iaitu bagi tempoh **24 Ogos 2025** hingga **30 Ogos 2025**, **347** kes demam denggi telah dilaporkan di Negeri Selangor, iaitu **penurunan** sebanyak **-2.5% (9 kes)** berbanding **356** kes pada minggu sebelumnya. Secara kumulatif dari **ME 1/2025** sehingga **ME 35/2025**, **16,680** kes demam denggi telah dilaporkan iaitu **penurunan** sebanyak **-66.1% (32,556 kes)** berbanding minggu yang sama pada tahun **2024 (49,236 kes)**. Sebanyak **enam (6)** kes kematian denggi telah dilaporkan setakat ini berbanding **empat belas (14)** kes sehingga tempoh yang sama pada tahun lepas.

Jadual 1: Perbandingan bilangan kes demam denggi mengikut daerah berdasarkan ME dan tahun sebelumnya

DAERAH	KES			KUMULATIF KES SEHINGGA		
	ME 34/2025	ME 35/2025	% Peningkatan/ Penurunan	ME 35/2024	ME 35/2025	% Peningkatan/ Penurunan
GOMBAK	52	47	-9.6%	6,471	1,654	-74.4%
HULU LANGAT	75	69	-8.0%	14,114	2,897	-79.5%
HULU SELANGOR	10	16	60.0%	1,179	433	-63.3%
KLANG	58	37	-36.2%	6,457	3,269	-49.4%
KUALA LANGAT	14	20	42.9%	1,290	610	-52.7%
KUALA SELANGOR	10	7	-30.0%	899	655	-27.1%
PETALING	125	135	8.0%	16,438	6,249	-62.0%
SABAK BERNAM	1	1	100.0%	136	47	-65.4%
SEPANG	11	15	36.4%	2,252	866	-61.5%
SELANGOR	356	347	-2.5%	49,236	16,680	-66.1%

ME 34/2025 = (17.08.2025 - 23.08.2025)

ME 35/2025 = (24.08.2025 - 30.08.2025)

2. Analisa bilangan kes berdasarkan mukim

Negeri Selangor mempunyai 56 mukim dan mukim yang menunjukkan bilangan kes tertinggi pada **ME 35/2025** adalah **Petaling** (49), **Damansara** (43), **Kajang** (36), **Sungai Buloh** (34) dan **Klang** (28). Secara kumulatif, mukim dengan bilangan kes tertinggi adalah **Klang** (2,497 kes), diikuti oleh **Damansara** (2,289 kes), **Petaling** (1,971 kes), **Sungai Buloh** (1,521 kes), dan **Kajang** (1,020 kes).

Jadual 2: Perbandingan bilangan kes demam denggi mengikut mukim berdasarkan ME

DAERAH	MUKIM	BILANGAN KES		
		ME 34/2025	ME 35/2025	KUMULATIF 2025
Petaling	Sungai Buluh	24	34	1,521
	Petaling	41	49	1,971
	Damansara	50	43	2,289
	Bukit Raja	10	9	468
Hulu Langat	Kajang	31	36	1,020
	Hulu Langat	2	4	104
	Ampang	19	11	605
	Cheras	7	9	806
	Semenyih	9	4	220
	Beranang	7	5	127
	Hulu Semenyih	0	0	15
Gombak	Batu	17	25	634
	Hulu Kelang	13	8	305
	Rawang	14	5	383
	Kuang	2	1	147
	Setapak	6	8	185
Klang	Klang	47	28	2,497
	Kapar	11	9	772
Sepang	Labu	1	0	131
	Dengkil	10	14	651
	Sepang	0	1	84
Sabak Bernam	Bagan Nakhoda Omar	0	0	0
	Pancang Bedena	1	1	22
	Pasir Panjang	0	0	13
	Sabak	0	0	7
	Sungai Panjang	0	0	5

ME 34/2025 = (17.08.2025 - 23.08.2025)

ME 35/2025 = (24.08.2025 - 30.08.2025)

Jadual 2: Perbandingan bilangan kes demam denggi mengikut mukim berdasarkan ME (sambungan)

DAERAH	MUKIM	BILANGAN KES		
		ME 34/2025	ME 35/2025	KUMULATIF 2025
Hulu Selangor	Serendah	10	10	240
	Batang Kali	0	4	79
	Ampang Pecah	0	1	7
	Hulu Bernam	0	0	64
	Kalumpang	0	0	12
	Hulu Yam	0	1	16
	Rasa	0	0	11
	Kerling	0	0	3
	Buluh Telur	0	0	0
	Pertak	0	0	0
	Sg. Gumut	0	0	1
	Sg. Tinggi	0	0	0
	Kuala Kalumpang	0	0	0
Kuala Selangor	Ijok	8	6	334
	Tanjung Karang	2	1	20
	Jeram	0	0	61
	Kuala Selangor	0	0	177
	Pasangan	0	0	9
	Hujung Permatang	0	0	7
	Api-Api	0	0	7
	Batang Berjuntai	0	0	40
	Hulu Tinggi	0	0	0
Kuala Langat	Tanjung 12 (1)	3	4	181
	Tanjung 12 (2)	5	7	100
	Teluk Panglima Garang	4	6	269
	Batu	0	2	17
	Morib	1	1	18
	Jugra	0	0	14
	Bandar	1	0	7
	Kelanang	0	0	4
SELANGOR		356	347	16,680

ME 34/2025 = (17.08.2025 - 23.08.2025)

ME 35/2025 = (24.08.2025 - 30.08.2025)

3. Analisa bilangan lokaliti wabak

Jumlah lokaliti wabak denggi aktif pada hari ke-tujuh (Sabtu) **ME 35/2025** adalah sebanyak **103** dengan perincian **lokaliti hotspot 11, wabak tak terkawal 7 dan wabak terkawal 85**. Bilangan lokaliti **hotspot aktif** berdasarkan daerah adalah **Petaling (8)** , dan **Hulu langat (3)**. Senarai lokaliti wabak tak terkawal dan **hotspot** adalah seperti di Lampiran C.

Jadual 3: Bilangan lokaliti wabak mengikut daerah

Daerah	Bilangan Lokaliti Wabak						Jumlah Lokaliti Wabak Aktif	
	Wabak Terkawal		Wabak Tak Terkawal		Hotspot			
	ME 34/2025	ME 35/2025	ME 34/2025	ME 35/2025	ME 34/2025	ME 35/2025	ME 34/2025	ME 35/2025
Petaling	37	36	2	4	6	8	45	48
Hulu Langat	11	18	2	0	3	3	16	21
Gombak	9	13	0	0	0	0	9	13
Klang	22	11	0	1	0	0	22	12
Sepang	0	0	0	0	0	0	0	0
Hulu Selangor	2	4	0	0	1	0	3	4
Kuala Langat	1	2	0	0	0	0	1	2
Kuala Selangor	1	1	1	2	0	0	2	3
Sabak Bernam	0	0	0	0	0	0	0	0
SELANGOR	83	85	5	7	10	11	98	103

Wabak Terkawal : dua atau lebih kes dilaporkan di lokaliti yang sama dalam tempoh 14 hari.

Wabak Tak Terkawal : terdapat pertambahan kes selepas hari ke 14 dari tarikh kes kedua dilaporkan.

Hotspot : lokaliti wabak aktif berlarutan melebihi tempoh 30 hari dari tarikh wabak aktif bermula.

Tarikh wabak aktif bermula dari tarikh kes kedua dilaporkan.

4. ULASAN

1. Pada Minggu Epid 35/2025, sebanyak 347 kes demam denggi telah dilaporkan di Negeri Selangor, menunjukkan penurunan sebanyak 2.5% (9 kes) berbanding 356 kes pada ME 34/2025. Secara kumulatif, sejumlah 16,680 kes direkodkan dari ME 1 hingga ME 35/2025, dengan penurunan 66.1 % (32,556 kes) berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024 (46,236 kes).

2. Jumlah lokaliti wabak aktif meningkat sebanyak 5.1 % (5 lokaliti) pada ME 35/2025, berbanding 98 lokaliti pada minggu sebelumnya. Beberapa daerah telah menunjukkan pertambahan bilangan lokaliti wabak aktif iaitu Petaling (48 lokaliti), Hulu Langat (21 lokaliti), Gombak (13 lokaliti), Hulu Selangor (4 lokaliti), Kuala Langat (2 lokaliti), dan Kuala Selangor (3 lokaliti). Hanya daerah Klang telah berjaya menurunkan bilangan wabak aktif iaitu 12 lokaliti manakala daerah Sepang dan Sabak Bernam kekal tanpa sebarang lokaliti wabak aktif. Jumlah lokaliti hotspot juga telah meningkat dari 10 lokaliti ke 11 lokaliti.

3. Walaupun bilangan kes mingguan dan jumlah kumulatif kes kekal di bawah paras median tiga tahun, pemantauan rapi dan penekanan kepada pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan yang berterusan perlu diteruskan secara menyeluruh di semua peringkat. Tumpuan khusus kepada daerah dengan bilangan lokaliti wabak yang tinggi melalui tindakan kawalan bersepadu yang merangkumi penguatkuasaan, intervensi lapangan, serta pendidikan komuniti perlu diberi penekanan. Kerjasama erat antara pejabat kesihatan daerah, pihak berkuasa tempatan, dan komuniti setempat amat penting untuk memastikan keberkesanan intervensi serta mengekalkan momentum penurunan kes kumulatif yang telah dicapai sepanjang tahun 2025.

4. Langkah-langkah berikut disarankan untuk mencegah pembiakan nyamuk Aedes:

- Memeriksa bahagian dalam dan luar rumah untuk mencari tempat berpotensi pembiakan.
- Memusnahkan takungan air atau meletakkan ubat pembunuh jentik-jentik jika takungan tidak dapat dikosongkan.
- Menutup rapat dan memeriksa setiap minggu takungan air kekal yang disimpan untuk kegunaan.
- Menggunakan repelen dan pakaian berlengan panjang untuk mengelakkan gigitan nyamuk.
- Melaksanakan gotong-royong berkala di kawasan kediaman dan awam.

5. Orang ramai juga digalakkan untuk melakukan aktiviti pembersihan selama 10 minit setiap minggu bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di persekitaran rumah masing-masing.

6. Maklumat lanjut mengenai kawalan dan pencegahan denggi boleh diperoleh melalui:


- www.infosihat.gov.my
- idengue.mysa.gov.my

Tarikh: 1/9/2025


Sumber data : e-Dengue

Disemak oleh : Dr Haneem binti Abd Hamid
 Jawatan : Ketua Penolong Pengarah
 Unit : Kawalan Penyakit Bawaan Vektor
 Tarikh : 1/9/2025


**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025
(NEGERI SELANGOR)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025
(PETALING)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025
(HULU LANGAT)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025
(KLANG)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFAR BAGI TAHUN 2024-2025
(GOMBAK)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFAR BAGI TAHUN 2024-2025
(SEPANG)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFAR BAGI TAHUN 2024-2025
(HULU SELANGOR)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFAR BAGI TAHUN 2024-2025
(KUALA SELANGOR)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTAR BAGI TAHUN 2024-2025
(KUALA LANGAT)**



**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTAR BAGI TAHUN 2024-2025
(SABAK BERNAM)**





Senarai lokaliti wabak tak terkawal dan Hotspot di Selangor

Tarikh Aktiviti: 30 Ogos 2025

BIL	DAERAH	MUKIM	LOKALITI WABAK	JUMLAH KES
WABAK TAK TERKAWAL				
1	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E14. BDR PUCHONG JAYA JLN TEMPUA (SRI MEKAR APPT)	12
2	KUALA SELANGOR	IJOK	ASTANA ALAM 2 (GEMALAI)	8
3	KUALA SELANGOR	IJOK	ASTANA ALAM 1 (CINDAI,JENTAYU)	8
4	PETALING	7. DAMANSARA (MBSJ)	E13. TMN PINGGIRAN USJ 1	8
5	KLANG	KLANG 01	TAMAN SETIA 02	7
6	PETALING	5. DAMANSARA (MBPJ)	E11. SRI PJU 1A PPRT 1 BLOK (A,B,C)	5
7	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E17. TMN SERDANG PERDANA 3 (EAST LAKE RESIDENCE)	4

BIL	DAERAH	MUKIM	LOKALITI WABAK	JUMLAH KES
HOTSPOT				
1	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E14. TMN KINRARA JLN TK 3 (VISTA LAVENDER)	48
2	PETALING	7. DAMANSARA (MBSJ)	E13. TMN PINGGIRAN USJ 2 (SRI NIPAH)	41
3	HULU LANGAT	KAJANG	APPT KELISA RIA KAMPUNG SUNGAI TANGKAS	27
4	PETALING	2. DAMANSARA (MBSA)	E1. SEKSYEN 16 (PANGSAPURI ANGGERIK INDAH)	19
5	PETALING	7. DAMANSARA (MBSJ)	E13. TMN SUBANG MAS (RUMAH KEDAI)	19
6	PETALING	2. DAMANSARA (MBSA)	E3. SEKSYEN 28 (PANGSAPURI SRI ANGKASA)	17
7	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E17. TMN SERDANG PERDANA (PERDANA SELATAN - SOUTH CITY PLAZA)	16
8	HULU LANGAT	HULU LANGAT	TAMAN PERKASA	13
9	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E16. KOTA PERDANA (JLN KP 2)	13
10	PETALING	7. DAMANSARA (MBSJ)	E13. TMN MUTIARA SUBANG	10
11	HULU LANGAT	KAJANG	FLAT TAMAN KOOP CUEPACS BATU 12	9